

Biografi Seorang Anak Seni: Wan Aishah Wan Ariffin

Farah Eriyana Mohamed
Nabilah Abdul Rahman
Hanis Diyana Kamarudin
Aniza Jamaluddin

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

Abstrak

Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu dokumentasi lisan. Ianya melibatkan seorang penyanyi terkenal di Malaysia iaitu Wan Aishah binti Wan Ariffin. Artikel ini menceritakan banyak perkara mengenai sejarah hidup beliau sebagai seorang artis terkenal di Malaysia. Antaranya ialah mengenai latar belakang hidup beliau dan pengalaman hidup beliau sebagai seorang penyanyi. Beliau dikenali sebagai penggiat seni yang sangat berbakat besar dan berpotensi dalam bidang nyanyian dan penulisan lagu. Selain itu, artikel ini juga membicarakan mengenai karier beliau menjadi seorang penyanyi di negara barat iaitu di New Zealand. Menyingkap penglibatan awal beliau dalam bidang nyanyian di luar negara, beliau pernah menjadi seorang vokalis kepada kumpulan penyanyi baru di negara New Zealand pada masa itu iaitu kumpulan Fan Club. Artikel ini juga mendedahkan pengalaman beliau menjadi seorang ahli politik di Malaysia serta cabaran yang dihadapi sewaktu menjadi seorang ahli politik dalam waktu yang sama merupakan seorang penyanyi. Seterusnya, beliau juga mempunyai minat yang mendalam dalam bidang kraftangan yang membuatkan beliau sering melibatkan diri dalam aktiviti kraftangan yang dianjurkan di dalam negara.

Kata kunci: Wan Aishah Wan Ariffin, Penyanyi, Ahli Politik, Malaysia, New Zealand, Fan Club, Kraftangan

Pengenalan

Muzik merupakan salah satu cabang seni yang ada di dalam Malaysia. Selain itu, salah satu fungsi asas muzik adalah sebagai hiburan. Fungsi ini telah meletakkan muzik sebagai salah satu bidang budaya jelata yang dominan. Hal ini kerana, selain daripada melodi, muzik juga mengandungi utusan dalam bentuk lirik. Gabungan kedua-dua melodi dan lirik boleh meletakkan muzik sebagai salah satu aspek komunikasi yang bertenaga dalam kehidupan manusia.

Kajian ini telah menfokuskan kepada salah seorang penyanyi yang berjaya dalam industri muzik ini iaitu Wan Aishah binti Wan Ariffin atau lebih dikenali sebagai Aishah merupakan penyanyi yang berasal dari Kuala Lumpur. Beliau pernah menganggotai kumpulan Fan Club dari New Zealand sehingga dikenali di seluruh dunia sebelum meneruskan karier solo di Malaysia. Album nyanyian beliau yang bertajuk *Sensation* bersama Fan Club telah menaikkan namanya sebagai seorang penyanyi wanita pertama Malaysia yang berjaya ke peringkat antarabangsa. Selain itu, lagu mereka yang bertajuk *Don't Make Me Fall Alone* pernah menduduki carta *Billboard Hot 100* pada tahun 1990. Setelah beliau tidak lagi bersama kumpulan Fan Club, beliau pulang ke Malaysia dan masih aktif menyanyi secara solo sehingga kini masih diangkat sebagai salah seorang legenda pop negara dengan deretan lagu-lagu hit dan album terlaris.

Pada tahun 2013, beliau berehat sebentar di dalam dunia muzik dan bergiat aktif dalam dunia politik. Namun pada tahun 2017, beliau kembali bergiat aktif dalam dunia muzik dengan menyertai program *Gegar Vaganza* (musim 4) atas tujuan untuk menghilangkan kerinduan peminat-peminatnya yang ingin kembali mendengar nyanyian beliau. Beliau juga semakin aktif dalam dunia muzik sehingga sekarang.

Latar Belakang

Wan Aishah binti Wan Ariffin dilahirkan pada 3hb Januari 1965 di Hospital Besar Kuala Lumpur. Beliau dibesarkan di Kampung Baru, Kuala Lumpur dan seterusnya berpindah ke Ampang, Kuala Lumpur sehingga kini. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang seni. Minat beliau terpujuk sejak kecil lagi dan ia merangkumi bidang seni muzik serta seni kraftangan. Beliau mengasah bakat dalam bidang muzik sewaktu zaman persekolahan dengan menyertai pelbagai pertandingan nyanyian di sekolah. Walaubagaimanapun, cita-cita beliau sewaktu zaman kanak-kanak adalah untuk menjadi seorang peguam jenayah di mana beliau mempunyai minat terhadap pekerjaan tersebut. Hal ini kemudian, berubah setelah mendapat dorongan dan sokongan dari keluarga serta sahabat handai sejak mereka menyedari bakat unggul beliau dalam bidang nyanyian. Beliau mendapat sokongan penuh dari saudara-mara beliau setelah dicalonkan sebagai finalis akhir dalam pertandingan nyanyian sewaktu usia muda di dalam lingkungan remaja sejurus memenangi tempat pertama dalam pertandingan tersebut. Pada awalnya beliau menerima tentangan daripada bapa beliau untuk menceburi bidang nyanyian. Namun, selepas beliau memenangi satu pertandingan nyanyian yang membuatkan nama beliau terkenal dan disiarkan di dalam akhbar harian serta rakaman video nyanyian sewaktu pertandingan tersebut tersebar, bapa beliau terkejut dengan berita tersebut dan akhirnya mula menerima bakat terpendam beliau. Selain itu, beliau juga sangat berbakat dalam sukan badminton. Ia merupakan sukan tradisi didalam keluarga beliau dimana mereka pernah memiliki gelanggang badminton persendirian di halaman rumah keluarga beliau. Seluruh keluarga beliau handal dalam sukan ini dimana saudara beliau pernah menjadi setiausaha kepada Persatuan Badminton Malaysia dan juga merangkul gelaran jaguh sukan sebagai juara dalam Kejohanan Badminton Bawah 12 Tahun Razif Sidek.

Beliau merupakan anak bongsu kepada Wan Ariffin bin Pawan Teh dan Kamariah binti Dato' Ujang dan mempunyai lima orang adik-beradik. Adik-beradik beliau terdiri daripada dua orang lelaki dan tiga orang perempuan termasuk beliau. Bapa beliau berasal dari negeri Kelantan tetapi dilahirkan di Teluk Intan, Perak.

Manakala ibu beliau berasal dari Negeri Sembilan tetapi juga dilahirkan di negeri lain iaitu Kuala Lipis, Pahang. Hal ini kerana, datuk dan nenek beliau merupakan pegawai kerajaan yang mana ianya melibatkan mereka akan berpindah-randah ke serata Malaysia. Disamping itu, beliau mempunyai dua orang cahaya mata lelaki yang bernama Armand Zahari dan Azhad Ahlami. Kedua-duanya telah meningkat usia remaja. Anak sulungnya, Armand Zahari kini berusia dua puluh empat tahun yang kini bekerja dalam bidang pemasaran dan anak bongsu beliau kini berusia sembilan belas tahun dan sedang menunggu panggilan kemasukan pelajaran tinggi dalam bidang automotif. Suami beliau merupakan seorang yang mempunyai latar belakang dalam bidang kejuruteraan. Nama suami beliau ialah Shamsul Bahari Abdul Hamid. Suami beliau merupakan tulang belakang karier beliau pada masa kini yang mana suaminya sering mengiringi beliau ke majlis-majlis formal dan juga jemputan eksklusif.

Pendidikan

Wan Aishah Wan Ariffin mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah St. Mary Kuala Lumpur pada tahun 1972 sehingga tahun 1977 daripada darjah satu sehingga darjah enam. Manakala pada peringkat menengah beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Mary Kuala Lumpur pada tahun 1978 sehingga tahun 1982 iaitu daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Sewaktu di sekolah rendah beliau telah aktif menyanyi dengan memasuki pelbagai pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Menurut Wan Aishah, disebabkan minat yang mendalam dalam bidang nyanyian beliau sering menyertai pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Beliau sering mendapat tempat pertama dalam pertandingan tersebut kerana beliau mempunyai suara yang merdu. Beliau juga berkata, kecenderungan beliau terhadap muzik juga bermula daripada guru-guru yang mendidiknya di sekolah yang sering memberi galakkan untuk beliau menyertai pertandingan muzikal di sekolah. Selain itu, beliau juga sering memasuki pertandingan lakonan di sekolah yang sentiasa mendapat watak-watak yang menghiburkan hati seperti menjadi nenek kebayan, ahli sihir serta menjadi karakter

yang pelik. Semasa di sekolah menengah, bakat beliau semakin berkembang sewaktu di tingkatan dua di mana guru-guru di sekolah mula menyedari bakatnya dalam nyanyian. Sewaktu di tingkatan empat beliau berpeluang membuat persembahan secara solo di dalam pertandingan Variety Show di sekolah beliau.

Di samping itu, beliau merupakan graduan di Universiti of Auckland dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Politik. Sebelum ke Universiti of Auckland beliau memasuki ke tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas dan memasuki kursus Bahasa Inggeris selama 6 bulan untuk menambah baik Bahasa Inggeris sebelum pergi ke luar negara. Setelah itu, beliau memasuki Tingkatan 7 di Auckland dan terus melanjutkan ke Universiti of Auckland.

Pengalaman Selain Dalam Bidang Seni

Sebelum bergelar anak seni, beliau pernah menceburi beberapa bidang lain secara sambilan sewaktu melanjutkan pelajaran di luar negara. Antara pekerjaan lain yang diceburinya ialah bekerja di restoran dan di kedai dobi. Pekerjaan sambilan itu hanya dalam tempoh masa yang singkat dan ianya hanya atas dasar mencari wang poket serta pengalaman bekerja di perantauan. Dalam usia muda remaja awal 20-an pada masa itu, ianya bukanlah satu pengalaman yang mudah dan ia mempunyai pelbagai cabaran. Antara cabaran sewaktu menjadi pekerja restoran, beliau sering berhadapan dengan pelanggan yang mabuk dan kerap mengganggunya. Walaubagaimanapun, beliau sering mengelak dari menghantar minuman keras pada pelanggan. Namun begitu, sesuatu pengalaman pasti ada pahit dan manisnya. Antara pengalaman manis semasa bekerja sebagai pekerja restoran ialah perasaan gembira apabila mendapat upah wang atau '*tip*' dari pelanggan. Seterusnya, antara kenangan manis sewaktu bekerja sambilan di kedai dobi iaitu mendapat majikan yang sangat baik.

Selain itu, Wan Aishah adalah seorang anak seni yang berhati mulia. Beliau sering terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan, khidmat sosial dan aktiviti perlindungan haiwan jalanan. Menurut akhbar Sinar Harian (2018), Wan Aishah Wan Ariffin turut mengambil kesempatan untuk menggunakan populariti beliau

untuk melakukan kerja amal dan khidmat sosial. Antara aktiviti khidmat masyarakat yang dilakukan oleh beliau adalah seperti edaran makanan di bulan Ramadhan, kutipan dana untuk bantuan kepada gelandangan dan orang yang memerlukan. Menurutnya lagi, Wan Aishah akan memanfaatkan popularitinya dalam menjayakan promosi program kebajikan yang dijalankan oleh mana-mana persatuan atau badan kebajikan untuk mengumpul dana. Di samping itu, beliau juga akan turut serta melibatkan diri semasa program berlangsung.

Perjalanan Karier Seni

Permulaan karier sebagai anak seni bermula dengan pertandingan nyanyian yang disertainya di tanah air sewaktu menunggu keputusan peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia. Beliau telah berjaya menjuarai pertandingan tersebut dan diberi peluang untuk merakam lagu duet bersama artis tanah air iaitu Malek Ridzuan. Namun begitu, beliau tidak meneruskan karier seninya di tanah air kerana mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di New Zealand. Walaubagaimanapun, bakat dan jiwa seni yang ada pada dirinya telah membuahkan hasil apabila beliau menyertai pertandingan nyanyian, Talent Time di negara New Zealand sejourus memenangi pertandingan itu. Beliau turut mendapat peluang untuk menjalani sesi uji bakat bersama seorang selebriti terkenal di New Zealand pada tahun 1987. Selepas enam bulan uji bakat dijalankan, selebriti itu telah mencadangkan nama beliau kepada dua kumpulan nyanyian iaitu kumpulan Peking Man Band dan Soul on Ice. Kumpulan Soul on Ice telah dipilih oleh Wan Aishah untuk menyertainya. Ia merupakan kumpulan pertama beliau dan menjadi batu lonjatan dalam bidang seni nyanyian. Beliau bersama kumpulan tersebut selama beberapa tahun bermula lewat tahun 1986 hingga tahun 1990. Album pertama mereka merupakan album yang diberi nama '*Sensation*'. Album tersebut telah mendapat sambutan hebat oleh peminat kumpulan itu di negara New Zealand. Setelah tiga bulan beliau menyertai kumpulan tersebut, mereka telah ditawarkan untuk bekerjasama bersama syarikat rakaman terkenal di negara itu iaitu CBS New Zealand yang kemudian dipindah milik kepada Sony Japan. Setelah pertukaran milik syarikat rakaman tersebut, kumpulan Soul on Ice diminta untuk menukarkan nama menjadi kumpulan Fan

Club oleh kerana genre lagu yang dinyanyikan oleh mereka merupakan genre pop dansa. Hal ini telah menaikkan lagi nama kumpulan itu serta memberi peluang cerah untuknya menaikkan lagi nama di arena seni hiburan. Terdapat dua album yang dihasilkan bersama kumpulan Fan Club iaitu album '*Sensation*' dan '*Respect the Beat*'. Kedua-dua album tersebut mempunyai sepuluh buah lagu. Kejayaannya bersama kumpulan itu telah membuatkan mereka tercalon di dalam kategori carta *Billboard Hot 100* di Amerika Syarikat. Namun ianya tidak berpanjangan oleh kerana beberapa permasalahan berlaku dalam tempoh pemasaran mereka ke negara lain.

Pada tahun 1998, beliau kembali ke tanah air atas permintaan keluarga. Pada masa itu, beliau lebih kerap tampil di jemputan majlis-majlis korporat dan tidak begitu menonjol di media massa. Wan Aishah Wan Ariffin memilih untuk bekerjasama bersama syarikat rakaman milik Datuk Adnan Abu Hassan. Album pertama yang dihasilkan setelah kepulangan beliau ke tanah air ialah album Kurnia yang merupakan genre lagu pop balada. Beliau juga mempunyai album zikir yang didedikasikan kepada anak-anak beliau. Menurutnya, kanak-kanak lebih cenderung untuk menghafal sesuatu melalui alunan melodi. Oleh kerana itu, beliau memilih untuk merakamkan album zikir bagi memanfaatkan bakat yang ada dalam dirinya. Seterusnya, beliau juga pernah berkolaborasi bersama penyanyi tanah air yang lain seperti Dato' Shake, Dato' Ahmad Jais dan penyanyi dari negara Jepun iaitu Sandy Suzuki. Lagu yang dinyanyikan bersama penyanyi negara Jepun itu merupakan lagu berbahasa melayu yang bertajuk 'Di Sini' dan dihasilkan oleh komposer dari negara Jepun, Makoto Kubota.

Selain itu, kini beliau kembali popular setelah dipilih untuk menyertai pertandingan nyanyian popular di Malaysia iaitu *Gegar Vaganza* musim ke empat pada tahun 2017. Sejurus kemunculan beliau di dalam pertandingan itu, ia telah membuka mata ramai pihak dengan bakat hebat beliau termasuk golongan remaja dan anak muda yang tidak begitu mengenali perjalanan seni muzik beliau. Menurut Emma Hassan (2017), Wan Aishah Wan Ariffin juga merasakan populariti beliau kembali apabila ramai peminat muda termasuk kanak-kanak kecil berusia bawah lima tahun yang mengenali beliau melalui pertandingan ini. Beliau

merasakan ia telah memberi satu peluang untuk terus berkecimpung di dalam dunia seni setelah lima tahun menyepi dari kaca televisyen. Namun begitu, beliau turut berkongsi pengalaman dan cabaran yang dilalui sepanjang tempoh pertandingan itu. Antaranya, beliau harus menyanyi dan menghayati lagu penyanyi lain dalam pertandingan setiap minggu yang mana ia perlu dilakukan sehabis baik. Oleh kerana bakat, usaha dan kecekalannya sepanjang pertandingan tersebut, ianya telah membuahkan hasil pada pertandingan akhir program realiti televisyen itu. Menurut Diana Kassim (2017), Wan Aishah Wan Ariffin telah dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan *Gegar Vaganza* musim ke empat itu.

Kejayaan beliau ternyata telah diramal oleh ramai pihak apabila telah menewaskan peserta lain seperti Lan Solo, Hazami, Firman dan Tia Jimbara di pertandingan akhir sejurus menewaskan saingan terdekatnya Liza Hanim yang memperoleh tempat kedua. Penyanyi yang berusia 52 tahun itu ternyata mempunyai bakat yang unggul dan masih handal beraksi dengan begitu mantap sekali ketika menyanyikan lagu '*Supergirls*' bersama-sama dengan saingannya Liza Hanim dalam segmen *battle*. Kemenangan itu telah melayakkan beliau memperoleh hadiah wang tunai RM100 ribu, sebidang tanah lot banglo dan pakej percutian ke Eropah Timur. Selain itu, kejayaan beliau dalam pertandingan itu telah memberi nafas baru kepada peminat muda untuk mengenali lagu-lagu lama beliau yang dulunya laris dijual. Menurut Hanisah Selamat (2018) melalui akhbar berita harian, penyanyi berpengalaman itu masih menaruh keyakinan terhadap penjualan album fizikal walaupun kini peminat lebih ke arah kepada hiburan secara digital. Beliau turut menyatakan bahawa penyanyi hebat itu juga tidak begitu mengharapkan penjualan adalah sama seperti suatu masa dahulu dimana jualan album fizikal dijual hingga mencecah ratusan ribu unit.

Setelah tamat pertandingan *Gegar Vaganza* 4, Wan Aishah telah menghasilkan lagu *single* terbaru bagi memenuhi permintaan peminatnya yang dahulu dan yang baru mula mencintai bakat beliau. Menurut Norhayati Nordin (2018), Wan Aishah Wan Ariffin telah bekerjasama dengan penyanyi dan komposer, Hazami dalam menghasilkan lagu barunya berjudul *Malar*. Beliau turut berharap lagu itu menjadi satu permulaan yang baru buat kariernya. Sehubungan

itu, Asraf Aided (2018) turut berkata bahawa Wan Aishah Wan Ariffin tidak meletakkan harapan untuk bertanding di pentas Anugerah Juara Lagu memandangkan beliau sudah 31 tahun bergelar penyanyi. Bagaimanapun, beliau akan mempertimbangkan sekiranya diberi peluang untuk menyertai pertandingan berprestij itu. Selanjutnya, lagu barunya yang berjudul 'Malar' itu mengisahkan tentang perjalanan hidup yang diharungi bersama keluarga dan peminatnya. Lagu tersebut telah dimuatnaik ke semua platform digital muzik untuk didengari oleh peminatnya di seluruh pelusuk dunia.

Penglibatan Dalam Dunia Politik

Selain menjadi seorang penyanyi, Wan Aishah Wan Ariffin juga melibatkan diri dalam dunia politik. Beliau menyertai parti politik dalam tahun 2012 dengan menyertai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan bertanding di dalam pilihan raya umum ke-13 di Parlimen Jempol dan menyandang jawatan sebagai ahli parlimen. Menurut Faiz Zainudin (2017), Aishah terjun ke arena politik apabila mengumumkan menyertai PAS pada 2012 dan bertanding mewakili parti Islam itu di kerusi Parlimen Jempol, Negeri Sembilan, pada pilihan raya umum ke-13. Namun beliau telah tewas kepada bekas menteri besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad yang memenangi kerusi berkenaan dengan majoriti 8,629 undi.

Namun begitu, pada tahun 2015 Wan Aishah telah menyertai Parti Amanah setelah PAS. Menurut beliau, punca mengapa beliau berubah hati untuk menyertai Parti Amanah kerana bagi beliau parti politik adalah satu yang tidak statik dan apabila satu parti itu tidak melambangkan pegang agama yang kuat serta sudah menyimpang jauh daripada tujuan asal sewaktu beliau menyertai parti politik tersebut yang menyebabkan beliau berubah angin untuk menyertai parti politik yang lebih berpegang kepada pegangan agama. Faiz Zainudin (2017) juga menyatakan bahawa Aishah meninggalkan PAS dan menyertai Amanah yang dilihat membawa aliran Islam yang lebih baik. Beliau juga berkata bahawa beliau tidak berdepan apa-apa halangan daripada Amanah sekiranya mahu meneruskan kerjaya menyanyi, termasuk menyertai sebuah program realiti Astro.

Di dalam Parti Amanah beliau memegang pelbagai jawatan. Untuk jawatan yang tertinggi, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Amanah Nasional yang merupakan kepimpinan tertinggi dalam Parti Amanah dan beliau juga merupakan Ketua Awan di kawasan Batu. Menurut portal Malaysia Kini (2018), Aishah mengakui masih aktif berpolitik meskipun bergelar penyanyi. Beliau yang terkenal dengan lagu “Janji Manismu” itu berkata beliau sentiasa menghargai peluang yang diberikan untuk berkarya tanpa melibatkan ideologi parti politik. Aishah juga berkata, sebenarnya itu merupakan perjuangan beliau secara individu untuk berkarya tanpa melibatkan ideologi dan beliau terasa dihargai kerana dirinya diterima dalam industri berkenaan walaupun mempunyai ideologi yang berbeza

Pada masa sekarang beliau kurang aktif dalam bidang politik kerana jadual untuk kerjaya seni beliau sangat padat selepas beliau menyertai Gegar Vaganza 4 dan memerlukan beliau menfokuskan diri kepada satu bidang sahaja dalam satu masa. Beliau juga terpaksa menyerahkan jawatan beliau kepada orang lain yang lebih sesuai untuk menjalankan tugas tersebut supaya beliau tidak dikecam untuk membuat pelbagai kerja dalam satu masa. Walaupun beliau kurang aktif di dalam dunia politik namun beliau masih mengikuti perkembangan politik dan masih menyokong parti Amanah negara sehingga kini. Berpandukan laman blog Express Viral (2018), menurut anggota Jawatankuasa Pimpinan Nasional Amanah, Aiman Athirah Al-Jundi berkata, Aishah sudah banyak berjasa kepada Pakatan Harapan (HARAPAN) khususnya membantu parti dalam berkempen menjelang pilihan raya umum (PRU) ke-14 lalu. Malah kata Aiman Athirah, Parti Amanah sudah menyediakan peranan penting untuk Aishah sebelum penyanyi “Camar Yang Pulang” itu menghantar surat peletakan jawatannya dan berkata selepas menerima surat daripada Aishah, jawatankuasa pimpinan tertinggi parti itu sebulat suara menolaknya. Kata Aiman Athirah juga, Parti Amanah masih memerlukan khidmat dan sumbangan Aishah terutama ketika HARAPAN kini menjadi kerajaan.

Penglibatan Dalam Seni Kraftangan

Walaupun Wan Aishah Wan Ariffin bergiat aktif di dalam industri muzik dan dunia politik, beliau juga merupakan seorang yang kreatif di dalam seni kraftangan.

Beliau, meminati bidang kraftangan ini sejak kecil lagi. Sejak kecil, beliau sering membuat kraftangan daripada barang-barang terpakai seperti penyedut minuman, sabun, kertas dan sebagainya. Minat terhadap kraftangan ini juga didorong oleh ibu saudaranya, beliau sering mengikuti ibu saudaranya sewaktu cuti sekolah membuat hantaran perkahwinan dan akan cuba membuatnya sewaktu pulang ke rumah setelah memerhati apa yang dilakukan oleh ibu saudaranya.

Sewaktu di New Zealand, beliau juga mengikuti kelas kraftangan di sana untuk mempelajari ilmu seni kraftangan dengan lebih mendalam. Sehingga kini beliau masih bergiat aktif dengan seni kraftangan dengan menyertai pelbagai bengkel kraftangan berbayar di Malaysia dan beliau juga sering menyertai program dan ekspo kraftangan yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Beliau juga gemar mengumpul segala hasil koleksi kraftangan yang dibuatnya sendiri di rumah dan koleksi tersebut semakin bertambah dari semasa ke semasa. Menurut Wan Aishah Wan Ariffin, koleksi kraftangan beliau di rumah sangat banyak daripada satu sudut sehingga sudah penuh satu dapurnya. Beliau juga tidak gemar untuk membuat kraftangan yang mempunyai bentuk yang sama dalam kuantiti yang banyak tetapi beliau lebih gemar untuk membuat kraftangan dalam bentuk yang berlainan dan yang baru kerana bagi beliau seni kraftangan ini merupakan salah satu untuk beliau berkarya dan juga untuk menghilangkan stress.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Wan Aishah Wan Ariffin adalah seorang penyanyi terkenal yang hebat dan disegani ramai di Malaysia dan juga di luar negara terutamanya di New Zealand. Kita sebagai rakyat Malaysia, seharusnya pandai menghargai dan menyanjungi bakat penyanyi-penyanyi tanah air dalam menghasilkan karya seni bagi menaikkan industri muzik negara. Sokongan daripada masyarakat adalah salah satu peranan yang sangat penting kerana muzik yang popular pada masa kini datangnya dari sambutan peminat dan pendengar. Oleh sebab itu, populariti adalah sangat penting di dalam industri muzik. Ia menyumbang kepada perubahan yang sangat besar terhadap industri

muzik di Malaysia ketika ini. Di samping itu, rakyat Malaysia haruslah membuka minda dengan lebih luas terhadap peluang pekerjaan di dalam industri muzik yang sememangnya boleh menjamin masa depan yang cerah dan mampu berkembang dengan lebih maju pada masa akan datang.

Rujukan

- Asraf, Aided. (2018, Disember 25). *Selepas 31 Tahun Menyanyi, Saya Tiada Target Untuk Bertanding*. Diakses pada 20 Mei 2019 di <http://www.gempak.com/artikel/14144/selepas-31-tahun-menyanyi-saya-tiada-target-untuk-bertanding-tapi-aishah>
- Diana, Kassim. (2017, Disember 19). *Aishah Dinobat Juara Gegar Vaganza 4, Kalahkan Peserta Pilihan Liza Hanim*. Diakses pada 23 Mei 2019 di <https://www.utusanborneo.com.my/2017/12/19/aishah-dinobat-juara-gegar-vaganza-4-kalahkan-peserta-pilihan-liza-hanim>
- Express Viral. (2018, Ogos 14). *Peletakan Jawatan Aishah ditolak Amanah*. Diakses pada 23 Mei 2019 di <http://theexpressviral.com/peletakan-jawatan-aisyah-ditolak-amanah-ini-sebabnya-kenapa-khidmat-aisyah-sungguh-ditagih-kjaan-ph/>
- Faiz, Zainudin. (2017, November 01). *Teruskan menyanyi, Amanah beritahu Aishah*. Free Malaysia Today. Diakses pada 24 Mei 2019 di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/11/01/teruskan-menyanyi-amanah-beritahu-aishah/>
- Hanisah, Selamat. (2018, September 3). *Aishah Tak Kisah Dilabel 'Old School'*. Diakses pada 1 Jun 2019 di <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2018/09/469246/aishah-tak-kisahdilabel-old-school>
- Mangga Media. (2017, Disember 19). *Saya Hanya Mahu Jadi Aishah, Ingin Terus Menyanyi*. Diakses pada 26 Mei 2019: <https://manggamedia.com.my/saya-hanya-mahu-jadi-aishah-ingin-terus-menyanyi/>
- Norhayati, Nordin. (2018, October 8). *Harapan Baru Aishah*. Diakses pada 29 Mei 2019 di <https://www.hmetro.com.my/rap/2018/10/384351/harapan-baru-aishah>

Portal Malaysia Kini. (2018, Januari 02). *Aishah akui masih aktif politik*. Malaysia Kini. Diakses pada 24 Mei 109 di <https://www.malaysiakini.com/hiburan/407278>

Sinar Harian. (2018, Disember 27). *Aishah Mahu Guna Populariti Untuk Kerja Amal*. Diakses pada 1 Jun 2019 di <https://www.sinarharian.com.my/article/4271/BERITA/Nasional/Aishah-mahu-guna-populariti-untuk-kerja-amal>

Wan Aishah Wan Ariffin. *Temubual Sejarah Lisan: Biografi Seorang Penyanyi Terkenal Wan Aishah Wan Ariffin*. Pada 19 April 2019